Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mereka bentuk sebuah mesin pengisar serunding halia untuk kegunaan peniaga tempatan serta industri kecil dan sederhana (IKS). Hal ini kerana peniaga serunding tempatan sering tidak menang tangan ketika membuat serunding disebabkan masih menggunakan kaedah tradisional iaitu penggunaan Sagat.

Idea penghasilan mesin pengisar serunding ini timbul setelah mendengar rintihan para peniaga serunding tempatan yang tidak mampu untuk membeli mesin serunding yang sedia ada kerana harganya yang terlalu mahal dan terhad untuk satu kegunaan sahaja. Disebabkan hal ini, lantas timbul idea bagi penghasilan mesin pengisar serunding halia yang moden, ringan, lebih ergonomik serta harganya yang mampu milik.

Kaedah yang digunakan di dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini merupakan satu kajian penyelidikan dimana pengkaji bergantung kepada pandangan peserta dengan menanyakan soalan berkaitan kajian bagi mengumpulkan data dalam bentuk perkataan atau teks daripada peserta. Kaedah ini turut dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data primer dan juga data sekunder. Dalam kajian ini, pengkaji lebih memfokuskan kepada data primer iaitu melakukan wawancara serta soal selidik bersama beberapa pengusaha serunding halia tempatan yang berskala kecil dan mikro.

### 3.2 CARTA ALIR METODOLOGI



Rajah 3.2: Carta Alir Metodologi Projek

### **3.3 FASA METODOLOGI**

#### **3.3.1 Mengenalpasti Masalah**

Pada awal kajian ini dilakukan adalah mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengusaha serunding tempatan yang dimana para pengusaha serunding ini sukar untuk menghasilkan serunding dalam kuantiti jumlah yang banyak. Hal ini kerana permintaan serunding di negara kita semakin hari semakin tinggi sehingga para pengusaha serunding ini tidak menang tangan untuk menghasilkan serunding. Maka, perancangan yang teliti dilaksanakan bagi mengatasi masalah tersebut. Dengan terhasilnya mesin serunding ini akan membantu memaksimumkan penghasilan serunding dengan lebih banyak lagi dari penggunaan melalui kaedah tradisional iaitu menggunakan sagat.

#### **3.3.2 Analisis**

Data yang diperoleh kemudian dikumpul, diproses dan dianalisis bagi membolehkan langkah seterusnya diambil dan penentuan kajian dapat dilakukan sebagaimana yang dikehendaki dalam objektif.

#### **3.3.3 Rekabentuk**

Sebelum sebuah mesin serunding ini dibina, rekabentuknya telah dibuat dengan bantuan perisian Autodesk Inventor Professional 2018. Reka bentuknya sederhana sahaja kerana kaedah ini lebih menumpukan pada bagaimana mesin ini berfungsi dengan baik. Walaupun begitu, reka bentuknya tetap kelihatan menarik dan moden. Malah, rekabentuk ini bertujuan agar sebelum pelaksanaan dilakukan, ianya dapat menggambarkan bagaimana projek ini kan berhasil dan rekabentuk ini akan memberi maklumat yang lebih terperinci bagi membina sebuah mesin serunding ini.

### 3.3.4 Pelaksanaan

Apabila mesin serunding ini telah siap dibina, ia akan diuji dulu bagi mengetahui keputusan sama ada ianya berfungsi dengan baik ataupun sebaliknya untuk menghasilkan serunding yang lebih berkualiti serta dalam kuantiti yang banyak. Seterusnya, penggunaan besi tahan karat untuk tapak projek ini amat berbaloi kerana ia dapat mengurangkan gegaran ketika mesin ini berfungsi. Selain itu, zink dan aluminium juga digunakan sebagai sebahagian daripada penghasilan mesin serunding ini kerana ia dapat mengelakkan karat dan juga boleh digunakan untuk jangka masa panjang.

### 3.3.5 Pemeriksaan Akhir

Apabila mesin serunding ini telah berjaya mencapai objektif yang dikehendaki, maka produk ini akan dinilai sendiri oleh pengusaha serunding tempatan serta industri kecil dan mikro.

## 3.4 KAEADAH PENGUMPULAN DATA (KAEADAH KUALITATIF)

Dalam kajian ini, kaedah temubual dan juga pemerhatian akan di aplikasikan bagi menjalankan kajian ini. Pengkaji akan pergi berjumpa dan menemui golongan pengusaha kecil dan sederhana serta pengusaha tempatan yang menjalankan perniagaan serunding halia bagi mendapatkan data primer.

Kajian akan dilakukan di kawasan perindustrian berskala kecil dan mikro di daerah Miri, Kuching, Kelantan dan Terengganu manakala kaedah temubual, soal selidik dan juga pemerhatian akan digunakan bagi menjalankan kajian ini.

### 3.4.1 Data Primer

Menurut Marican (2005) data primer merupakan dapatan data asal yang dikumpul secara am nya untuk menjawab persoalan kajian. Data primer juga bermaksud data yang telah diperolehi atau dikumpul daripada sumber yang asal seperti masyarakat, individu maupun persekitaran yang ada.

#### **3.4.1.1 Kaedah Temubual**

##### **i. Pengusaha**

Bagi kaedah temubual, pengkaji akan menemubual pengusaha dan juga pembeli serunding halia bagi mengetahui permasalahan yang di alami dalam proses penghasilan serunding halia ini. Dalam temubual bersama pengusaha, pengkaji akan mengajukan soalan mengenai permasalahan yang dihadapi ketika menghasilkan serunding halia dan juga pembaharuan apa yang diperlukan bagi membantu mereka mengatasi permasalahan ini.

##### **ii. Pembeli**

Bagi kaedah temubual bersama pembeli pula, pengkaji akan bertanyakan soalan mengenai kualiti serunding halia yang telah dihasilkan. Kualiti pula merangkumi dari segi rasa serunding halia, ketebalan saiz potongan halia dan juga kuantiti halia yang di hasilkan.

#### **3.4.1.2 Kaedah Pemerhatian**

Bagi kaedah pemerhatian pula, pengkaji akan mendekati dan juga bersama-sama dengan pengusaha dalam proses penghasilan serunding halia bagi mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengusaha. Pengkaji juga turut melihat sendiri cara-cara pemprosesan ini sendiri untuk memahami dengan lebih dalam lagi masalah yang sering dihadapi oleh para pengusaha.

#### **3.4.1.3 Penglibatan Pengkaji**

Bagi pesona pengkaji pula, pengkaji akan bersama-sama dengan pengusaha dalam melalukan proses penghasilan serunding halia untuk memahami lagi masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha semasa proses pembuatan ini

### 3.4.2 Data Sekunder

Menurut Sugiyono (2005), data sekunder merupakan data yang tidak langsung menyalurkan data kepada peneliti. Contohnya, peneliti memperolehi data secara tidak langsung dari orang lain atau mencari maklumat melalui dokumen. Data ini diperolehi dengan menggunakan pembelajaran literatur yang diperolehi dari pelbagai buku dan berdasarkan catatan yang berhubung dengan peneliti. Selain itu juga, peneliti turut menggunakan data yang diperolehi dari sumber internet, buku-buku ilmiah, jurnal dan sebagainya. Dengan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah ini kerana terdapat banyak terbitan penulisan daripada individu luar yang berkaitan dengan kajian ini.


## 3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Dalam instrumen kajian ini, kaedah soal selidik telah dipilih. Pemilihan responden terdiri daripada para pengusaha serunding dan juga penggemar serunding. Soal selidik yang digunakan dibuat melalui *Google Form* dan diedarkan secara atas talian melalui aplikasi whatsapp. Borang soal selidik yang disediakan terbahagi kepada tiga (3) bahagian utama sahaja iaitu :

- a) Bahagian A : Demografi Responden (Jantina, Umur)
- b) Bahagian B : Pandangan umum terhadap kaedah kajian
- c) Bahagian C : Perspektif responden terhadap Mesin Serunding :-
  - i. Reka bentuk
  - ii. Fungsi
  - iii. Kelebihan

### **3.6 PENGHASILAN PRODUK**

Berikut adalah cara-cara penghasilan mesin serunding halia :



Rajah 3.6 i: Rekabentuk 3D

Rajah 3.6 i menunjukkan langkah pertama yang diambil untuk menghasilkan mesin serunding halia ini. Pengembangan idea mesin serunding ini menggunakan metodologi projek melalui carta alir. Dimulakan dengan bantuan reka bentuk produk dengan perisian Autodesk Inventor Professional 2018 seperti rajah 3.4.1 i diatas. Reka bentuknya sederhana sahaja kerana kaedah ini lebih menumpukan pada bagaimana mesin ini berfungsi dengan baik, akan tetapi reka bentuknya tetap kelihatan menarik dan moden.



Rajah 3.6 ii: Zink dan Aluminium

Rajah 3.6 ii menunjukkan antara bahan utama yang digunakan dalam pembuatan mesin serunding. Hal ini kerana pemilihan bahan dan komponen bahagian amatlah penting supaya mesin yang dihasilkan akan mempunyai rekabentuk yang terbaik. Oleh itu, zink serta aluminium dipilih menjadi sebahagian daripada bahan utama yang digunakan dalam pembuatan mesin serunding ini. Pemilihan zink serta aluminium menjadi pilihan kerana zink dan aluminium boleh mengelakkan karat dan juga boleh digunakan dalam jangka masa yang panjang. Zink digunakan sebagai tempat untuk pengumpulan serunding(hasil).



Rajah 3.6 iii: Besi tahan karat

Rajah 3.6 iii menunjukkan contoh besi tahan karat yang digunakan didalam pembuatan mesin serunding ini. Penggunaan besi amat penting untuk dijadikan sebagai tapak bagi mesin ini kerana besi dapat mengurang tekanan, gegaran serta membuatkan mesin ini lebih stabil dan tidak goncang kuat ketika mesin ini berfungsi.



Rajah 3.6 iv: Proses Membentuk

Rajah 3.6 iv menunjukkan keadaan aluminium yang telah dibentuk untuk dijadikan badan kepada mata alat serunding supaya semasa kisaran berlaku ia dapat menghalang halia yang telah dikisar terpelanting keluar dari mesin ini dan juga badan ini menjadikan mesin ini lebih selamat untuk digunakan serta lebih ergonomik.



Rajah 3.6 v: Proses Memotong Aluminium

Rajah 3.6v menunjukkan keadaan aluminium yang telah dipotong di bahagian hadapan kerana ia tidak mempunyai ciri keselamatan serta tidak ergonomik. Hal ini menyebabkan ia terpaksa untuk dipotong dan direka semula untuk menjadikan bahagian hadapan serta tempat ataupun pelantar untuk meletakkan halia lebih selamat dan lebih mesra pengguna.



Rajah 3.6 vi: Proses Merekabentuk Semula Pelantar

Rajah 3.6 vi menunjukkan keadaan semasa ketika proses mereka bentuk semula pelantar sedang dijalankan. Hal ini kerana pelantar yang dibuat pada awalnya tidak mengikut spesifikasi yang dikehendaki. Oleh itu, pelantar dibuat semula untuk memastikannya lebih selamat untuk digunakan. Pelantar yang baru ini akan memudahkan proses mengisar halia kerana ia terus menghala ke mata alat pengisar.




Rajah 3.6 vii: Proses Menambahbaik Belakang Badan

Rajah 3.6 vii menunjukkan proses merekabentuk bahagian belakang badan kerana semasa halia dikisar menggunakan mesin ini, halia yang dikisar ketika mesin ini berfungsi tidak semuanya masuk kedalam bekas atau tempat yang telah dibuat. Hal ini kerana terdapat jurang atau ruang antara badan ini dengan bekas hasil (halia yang telah dikisar) yang menyebabkan ia terkeluar semasa mesin ini sedang berfungsi. Oleh sebab itu, timbulnya idea untuk mengatasi masalah ini dengan membuat tambahan di bahagian belakang badan supaya ia tidak terkeluar dan terus masuk ke dalam bekas hasil.



Rajah 3.6 viii : Proses Melicinkan Permukaan

Rajah 3.6 viii menunjukkan proses melicinkan permukaan atau bucu yang tidak rata selepas digergaji atau pun dipotong dengan menggunakan kikir. Kikir dapat menghaluskan permukaan yang tidak rata supaya menjadikan lebih selamat untuk digunakan dan tidak akan menyebabkan kemalangan yang berlaku.



Rajah 3.6 ix : Proses Mencantum

Rajah 3.6 ix menunjukkan proses mencantumkan aluminium dengan menggunakan kaedah rivet. Rivet digunakan sebagai alat untuk mencantum kerana ia mudah untuk digunakan.



Rajah 3.6 x : Proses Mencantum


Rajah 3.6 x menunjukkan proses mencantumkan aluminium dengan menggunakan kaedah bolt dan nat. Bolt dan nat digunakan sebagai alat tambahan untuk mencantumkan aluminium sekiranya tempat mencantum tidak dapat menggunakan rivet. Oleh itu, penggunaan bolt dan nut amat penting sebagai alternatif lain untuk mencantumkan selain rivet.



Rajah 3.6 xi : Pandangan Hadapan Reka Bentuk Akhir

Rajah 3.6 xi menunjukkan pandangan hadapan reka bentuk akhir mesin serunding halia ini. Setelah beberapa penambahbaikan dibuat, mesin ini Berjaya berfungsi dan memenuhi spesifikasi yang diinginkan oleh pengusaha serunding tempatan. Mesin serunding ini menggunakan Motor DC 2800 Rpm untuk memutar bilah dengan kecepatan sederhana. Setelah menganalisis produk ini, ia mempunyai reka bentuk yang baik diguna pakai oleh peniaga serunding dan juga yang bernaung dibawah industri kecil dan sederhana (IKS) dalam membuat serunding digunakan. Hal ini kerana mesin ini mempunyai reka bentuk yang tahan lama.

Bahan yang digunakan untuk produk ini dapat mengelakkan daripada cepat berkarat. Untuk analisis, mesin ini dapat berfungsi dengan baik dan berjalan lancar. Strukturnya tidak bergoncang dengan kuat ketika mesin ini digunakan kerana besi yang digunakan untuk menyokong, dapat mencegah kebisingan atau geseran pada tapak ketika mesin ini digunakan. Hal ini membuktikan pilihan untuk menggunakan besi adalah pilihan yang tepat. Jadi reka bentuk untuk produk ini memang sesuai untuk peniaga serunding dan industri kecil sederhana (IKS) untuk menggunakan mesin ini dan membuat lebih banyak serunding untuk memenuhi permintaan pasaran yang kian meningkat saban hari.



Rajah 3.6 xii : Fabrikasi Produk

Dalam penyelidikan, objektif dan skop kajian ditentukan menggunakan kaedah pengujian dimensi untuk menentukan kerangka kajian yang digunakan. Pengujian mesin ini dilakukan dan ia mempunyai penggunaan beroperasi yang sangat lancar untuk digunakan dalam jangka masa panjang. Kelajuan putaran untuk mata alat mesin ini adalah sederhana yang bermaksud tidak terlalu laju dan tidak terlalu perlahan sehingga mesin ini dapat membuat serunding yang sempurna dan ukuran yang sama dengan hasil yang baik. Pada akhir penyelidikan, hasil penilaian ditafsirkan dan cadangan dibuat.

### 3.7 KAEADAH ANALISIS DATA

Dalam proses menganalisi ini, data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis dan keputusan yang akan dicapai dipaparkan dalam bentuk carta pai, graf palang dan jadual.

### **3.8 RUMUSAN**

Dalam peringkat permulaan, rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian dan kaedah analisis data dibuat dengan sistematik dalam kajian metodologi untuk mengetahui fakta dan maklumat-maklumat bagi menyokong instrumen kajian dan menggambarkan dengan lebih jelas dalam kajian ini.

Selepas analisis data-data dilakukan, adalah penting untuk melakukan rumusan atau kesimpulan terhadap keputusan dan hipotesis iaitu sama ada perangkap tersebut berkesan atau tidak. Selepas analisis data-data dilakukan, adalah penting untuk melakukan rumusan atau kesimpulan terhadap keputusan dan hipotesis iaitu sama ada perangkap tersebut berkesan atau tidak.

## **BAB 4**

### **HASIL KAJIAN DAN ANALISIS DATA**

Disediakan oleh Ahmad Safwan Bin Ahmad Sukri

#### **4.1 PENGENALAN**


Setelah kesemua data dan maklumat diperolehi, analisis dilakukan bagi melihat keberkesanan pemasangan mesin serunding yang telah siap dicipta dalam menghasilkan serunding.

Keputusan yang diperolehi dalam bab ini merupakan keputusan hasil daripada borang soal selidik dan ujikaji yang telah dijalankan di kawasan kajian. Data yang terhasil daripada ujikaji di kawasan kajian dianalisis dengan lebih terperinci untuk membuat kesimpulan berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan.

Kajian dilakukan dengan menggunakan 38 responden daripada pengusaha serunding. Terdapat beberapa aspek yang menjadi tumpuan utama iaitu :

- 1) Demografi Responden ( jantina dan umur )
- 2) Pandangan umum terhadap kaedah kajian
- 3) Perspektif responden terhadap Mesin Serunding ;
  - i. Rekabentuk
  - ii. Fungsi
  - iii. Kelebihan

## 4.2 PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN




Rajah 4.2 i : Jantina Responden

Rajah 4.2 i menunjukkan bilangan pengusaha serunding yang memberi respon terhadap kajian yang dijalankan. Sejumlah 55% responden adalah seramai 21 orang lelaki manakala 45% responden adalah seramai 17 orang perempuan. Bilangan responden lelaki yang tinggi disebabkan kebanyakkan responden tersebut lebih banyak mengusahakan serunding di industri kecil mahupun sederhana berbanding perempuan terutamanya suri rumah.

Kebanyakan surirumah lebih aktif untuk melakukan aktiviti mengemas dan memasak.

### UMUR RESPONDEN



Rajah 4.2 ii : Umur responden

Hasil daripada kajian mendapati bahawa seramai 34 responden iaitu sebanyak 92% yang berumur lingkungan 20-30 tahun lebih ramai menjawab soal selidik ini. Ini disebabkan mereka terdiri daripada pengusaha yang masih muda dan cuba menceburi bidang serunding ini. Lantas, mereka mencari dan mendapatkan kaedah yang terbaik untuk perusahaan serunding.

Selain itu, Seramai 4 responden iaitu sebanyak 8% yang berumur 31-40 tahun. Kebanyakkannya mereka ini terdiri daripada veteran yang sudah berpengalaman dalam penghasilan serunding ini. Seterusnya, tiada responden yang berumur lingkungan 41-50 tahun dan 51-60 tahun yang menjawab soal selidik ini . Maka, tiada data yang dapat dianalisis kerana kedua-dua lingkungan umur mewakili 0% dalam carta Rajah 4.2 ii.

### 4.3 Kos Komponen

| Bil.                      | Bahan                 | Kuantiti | Harga Seunit<br>( RM ) | Jumlah<br>( RM ) |
|---------------------------|-----------------------|----------|------------------------|------------------|
| 1.                        | Motor DC 2800 RPM     | 1        | 96.10                  | 96.10            |
| 2.                        | Alumunium metal sheet | 1        | 25.35                  | 25.35            |
| 3.                        | Zink                  | 1        | 23.00                  | 23.00            |
| 4.                        | Rivet (Set)           | 1        | 24.50                  | 24.50            |
| 5.                        | Bolt dan nat (Set)    | 1        | 2.50                   | 2.50             |
| 6.                        | Besi tahan karat      | 1        | Kitar semula           | 0.00             |
| 7.                        | TIG Welding           | 1        | Kitar semula           | 0.00             |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                       |          |                        | <b>171.45</b>    |

Jadual 4.3 : Senarai Kos Komponen

Jadual 4.3 menunjukkan kos bahan yang diperlukan untuk melaksanakan projek Mesin Serunding ini. Sebanyak 1 aluminium metal sheet dan juga 1 zink diguna dalam pembuatan ini supaya tidak mudah tahan karat dan tidak terlalu berat. Besi tahan karat sudah siap potong telah dikitar semula kerana kondisi nya yang masih boleh dipakai dapat menjimatkan kos komponen mesin serunding ini. Gas Tungsten Arc Welding ( TIG Welding ) yang terdapat di bengkel kimpalan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ( PSA) telah digunakan atas kebenaran pensyarah yang bertugas dapat menjimatkan kos perbelanjaan untuk menyiapkan mesin serunding. Motor DC 2800 RPM dibeli secara atas talian melalui aplikasi shoppee bagi memudahkan pembelian serta menjimatkan kos kerana harga motor yang terjual di kedai fizikal lebih mahal berbanding yang terjual secara atas talian. untuk

## **4.4 DAPATAN KAJIAN**


### **4.4.1 Analisis Data-Data Kajian**

Proses menganalisis data kajian akan ditunjukkan dalam bentuk jadual dan carta. Penganalisaan mesin serunding ini adalah merangkumi kuantiti serunding yang dapat dihasilkan dalam masa yang ditetapkan. Analisis ini juga adalah hasil daripada perbandingan antara kaedah tradisional dan kaedah mesin. Hasil analisis perbandingan ini akan dibuat dalam bentuk jadual.

### **4.4.2 Kajian Soal Selidik**

Bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan ini, kaedah soal selidik dilakukan dengan melibatkan pengusaha serunding. Data-data yang diperolehi akan dijadikan dalam bentuk carta pai bagi memudahkan maklumat dikaji dan dianalisis. Berikut adalah maklumat yang berkaitan soal selidik yang telah dijalankan.

a) Pandangan Umum Terhadap Kajian




Rajah 4.4.2 i : Kaedah Tradisional

Rajah 4.4.2 i menunjukkan analisis berkenan soalan yang ditujukan kepada responden berkaitan dengan adakah kaedah tradisional masih diguna pakai sehingga kini. Daripada analisis tersebut, seramai 87% ( 33 responden ) menyatakan bahawa kaedah ini masih diguna pakai hingga kini. Manakala 13% ( 5 responden ) menyatakan bahawa kaedah ini sudah tidak diguna pakai. Kaedah ini masih diguna pakai hingga kini namun kaedah tradisional ini tidak relevan dengan era kini. Mesin serunding dicipta untuk mengatasi masalah ini.



Rajah 4.4.2 ii : Tenaga pekerja

Rajah 4.4.2 ii adalah jawapan responden untuk pertanyaan adakah kaedah tradisional menggunakan banyak tenaga untuk seorang pekerja. Seramai 92% (34 responden) menyatakan bahawa banyak tenaga yang digunakan untuk seorang pekerja menghasilkan serunding kaedah tradisional. Manakala 8% (4 responden) menyangkal pernyataan tersebut. Kaedah tradisional ini banyak menggunakan tenaga seorang pekerja untuk menhasilkan serunding namun dengan mesin serunding masalah ini dapat diatasi.



Rajah 4.4.2 iii : Peratus mengalami kecederaan

Hasil analisis Rajah 4.4.2 iii mendapati bahawa peratus mengalami sebarang kecederaan adalah tinggi dalam menghasilkan serunding kaedah tradisional. Sebanyak 66% meliputi 25 responden menyatakan bahawa kaedah tradisional menghasilkan serunding ini berpotensi tinggi mendorong kecederaan kepada pekerja. Manakala sebanyak 34% meliputi 13 responden menafikan pernyataan ini.

b) Perspektif Responden Terhadap Mesin Serunding

|                           |          |                                      |
|---------------------------|--|---|
|                           | <b>KAEDAH TRADISIONAL</b>  | <b>MESIN SERUNDING</b>  |
| <b>Reka bentuk</b>        | Kurang Menarik   | Sangat Menarik  |
| <b>Fungsi</b>             | Menggunakan tenaga manusia   | Menggunakan tenaga mesin  |
| <b>Peratus kecederaan</b> | Tinggi   | Kecil   |
| <b>Kelebihan</b>          | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murah</li> <li>• Senang untuk didapati</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jimat ruang</li> <li>• Jimat tenaga pekerja</li> <li>• Lebih pantas</li> </ul> |

Jadual 4.4.2 iv : Perspektif responden terhadap dua kaedah

Jadual 4.4.2 iv telah menunjukkan dua kaedah yang diguna pakai dalam menghasilkan serunding. Mesin Serunding lebih menarik minat responden kerana reka bentuk yang kukuh dan moden berbanding kaedah tradisional. Seterusnya, fungsi kaedah tradisional menggunakan prinsip geseran yang dilakukan oleh manusia berbanding mesin serunding ini menggunakan tenaga mesin sahaja. Selain itu, peratus kecederaan kaedah tradisional dalam menghasilkan serunding adalah tinggi manakala mesin serunding adalah kecil. Kelebihan yang terdapat pada mesin serunding adalah lebih banyak berbanding kaedah tradisional seperti boleh menjimatkan ruang, tenaga pekerja dan mampu menghasilkan kuantiti serunding yang besar dalam masa yang singkat bertentangan dengan kaedah tradisional.

#### 4.4.3 Keputusan

|  | Perbandingan Kuantiti Serunding yang dihasilkan (kg) |                 |
|--|--|-----------------|
| Masa yang diambil untuk menghasilkan serunding | Kaedah Tradisional (Sagat)                           | Mesin Serunding |
| 1 jam  | 1.5  | 2.5             |
| 5 jam  | 4.5  | 6               |
| 8 jam  | 6  | 8               |

Jadual 4.4.3 : Perbandingan Kuantiti Serunding

Jadual 4.4.3 menunjukkan keputusan perbandingan kuantiti serunding yang dihasilkan menggunakan kaedah tradisional (Sagat) dan Mesin Serunding. Dalam tempoh satu jam, 1.5 kg serunding dihasilkan menggunakan kaedah sagat manakala mesin serunding mampu menghasilkan 2.5kg iaitu 1kg lebih banyak berbanding kaedah sagat. Bagi tempoh 5 jam pula, mesin serunding mampu menghasilkan 6 kg serunding berbanding hanya 4.5 kg yang dihasilkan melalui kaedah tradisional. Penghasilan 8 kg serunding mampu diproses oleh mesin serunding dalam tempoh 8 jam berbanding 6 kg sahaja dengan kaedah tradisional.

#### **4.5 RUMUSAN**

Bab 4 ini dapat dirumuskan bahawa setiap kajian haruslah direkod dan dicatat supaya senang untuk dianalisis. Setiap data yang dikira amatlah penting untuk sebarang penambahbaikan sesuatu kajian kerana data-data yang diperoleh merupakan bukti atau kesalahan yang harus diperbetulkan . Seterusnya, juga dapat dirumuskan bahawa kaedah tradisional pada era kini sudah tidak relevan kerana fungsi dan reka bentuk sudah lapuk . Hal ini telah menyebabkan mesin serunding dicipta untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pengusaha serunding dalam menghasilkan serunding agar produktiviti bulanan mahupun tahunan mereka meningkat dengan terus maju dan stabil.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Disediakan oleh Ahmad Safwan Bin Ahmad Sukri

#### **5.1 PENGENALAN**

Untuk bab ini , segala keputusan dibuat adalah berdasarkan kepada semua keputusan yang diperolehi dari ujikaji yang dijalankan dan perbincangan dalam bab-bab yang sebelumnya, Dalam bab ini juga, perkara yang berkaitan adalah berkenaan objektif kajian dan juga cadangan terhadap kajian yang dijalankan. Selain itu, kesimpulan telah dibuat bagi uji kaji ini.

#### **5.2 PERBINCANGAN**

Bagi Mesin Serunding, ujian kepantasan motor telah dijalankan sepanjang proses ini. Ujian tersebut telah dilakukan mengikut kelajuan motor berputar menggerakkan mata pisau untuk menghasilkan serunding yang berkualiti dalam kuantiti yang banyak dengan pantas. Seterusnya, kami juga telah melakukan kajian ini dan hasilnya penggunaan motor yang dipilih adalah sesuai dengan saiz mesin yang digunakan.

Selain itu, aspek keselamatan juga amatlah penting dalam sesuatu projek ataupun kajian. Sebagai '*MINOR SAFETY*' , papan tanda amaran bahaya diletakkan berdekatan mesin supaya pengguna lebih berhati-hati dalam menggunakan mesin ini.

### **5.3 KESIMPULAN**

Objektif utama bagi kajian ini adalah menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengusaha serunding untuk menghasilkan serunding dalam kuantiti yang besar. Pengumpulan data dan maklumat mengenai serunding adalah melalui temubual pengusaha serunding dan internet. Data-data yang diperolehi daripada pihak berkuasa akan dinilai bersama-sama data daripada internet. Kajian kelajuan dilakukan bagi membuktikan bahawa mesin serunding ini mampu menghasilkan serunding dengan pantas walaupun kuantiti besar.

Dalam kajian ini, keberkesanan motor lebih difokuskan kepada kuasa putaran dan saiz jenis serunding. Kebanyakkan jenis serunding, halia juga dipilih sebagai bahan utama kerana saiz mesin dan motor yang berkuasa sederhana. Daripada penilaian yang dibuat, secara keseluruhannya motor yang diguna amatlah selari dengan faktor saiz mesin yang sederhana kecil dan menepati ciri-ciri rekabentuk yang ditetapkan dengan kos yang rendah. Selain itu, Tenaga kerja yang diperlukan dalam proses pembuatan mesin serunding ini ialah seramai tiga orang. Mesin serunding ini dapat digunakan dimana sahaja kerana jisim mesin yang tidak terlalu berat. Mesin ini harus diselenggara dengan mencuci bilah-bilah mata agar hasil serunding yang diproses lebih kemas dan berkualiti. Jika tidak selalu diselenggara atau dicuci, jangka hayat mesin ini akan berkurang kerana mata bilah tersekat dengan kekotoran.

Secara keseluruhannya, dengan adanya Mesin Serunding ianya dapat memudahkan pengusaha serunding untuk menghasilkan serunding walaupun kuantiti yang besar dengan tenaga yang minimum dan menjimatkan masa. Selain itu, ia juga akan membantu produktiviti bulanan pengusaha serunding. Kelebihan mesin serunding ini juga membantu pekerja praktikal untuk menceburi bidang ini dengan lebih mudah dan penuh minat.

## **5.4 CADANGAN**

Mesin Serunding merupakan satu kaedah yang mesra alam dan ergonomik untuk pengusaha serunding menghasilkan serunding. Mesin ini dapat melindungi paras pencemaran alam sekitar juga kerana tidak mengeluarkan sebarang asap atau gas.

Berikut merupakan beberapa perkara yang dicadangkan untuk mempertingkatkan lagi kajian yang akan dilakukan terhadap mesin serunding bagi mengetahui tahap keberkesanannya ;

- 1) Mencadangkan ‘*Emergency Button*’ supaya tidak berlaku sebarang kemalangan ketika proses serunding dilakukan.
- 2) Mencadangkan mata bilah yang pelbagai supaya dapat melakukan proses lain selain serunding seperti hancurkan kerepek.
- 3) Mencadangkan papan tanda amaran bahaya agar pengguna lebih berhati-hati ketika menggunakan mesin serunding ini.

## **5.5 RUMUSAN**

Rumusan yang dapat dibuat ialah setiap kajian haruslah dicuba dan dikaji berkali-kali supaya menjadi satu kajian yang lengkap untuk digunakan. Hal ini kerana pengguna mahukan kaedah yang mudah dan berkesan. Segala data-data yang diperolehi haruslah disimpan sebagai bukti atau bahan untuk melengkapkan sesuatu projek dan kajian. Dapat dirumuskan bahawa kaedah mesin lebih memudahkan pengusaha serunding mahupun pengguna untuk menghasilkan serunding yang berkualiti dengan kuantiti yang banyak.

## RUJUKAN

Hielscher Teknologi Ultrasound (2013) . Retrieved from highly efficient ginger extraction by sonication.

Johor, H. M. (2000, Julai) *Harian Metro Johor* retrieved from Harian Metro Johor : [www.harianmetrojohor.com](http://www.harianmetrojohor.com)

Yaseer Suhaimi Mohd,M. A. (2012) , Pengeluar halia secara komersial menggunakan kaedah fertigasi (commercial ginger production using fertigation system.) *Buletin Teknologi MARDI*, 95-105.

Khalid, Z. M. (2018, February 4) *Gastronomi serunding daging,strawberi*. Retrieved from <http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/gastronomi-serunding-daging-strawberi-160244>:

Zuraida Ab Rahman, A. N. (2015). Teknologi penghasilan anak benih halia hitam bernilai tinggi melalui kaedah kultur tisu (production of seedling for valueable black ginger via tissue culture technology. Buletin Teknologi MARDI, 117-125.

Sugiyono. (2005). Data Sekunder. Retrieved from Data Sekunder

Marican, S. (2005). Data Primer. Data Primer.

Program Dan Inisiatif Kementerian Program Dan Inisiatif Kementerian. (n.d.). Retrieved January 03, 2021, from <http://www.moa.gov.my/herba>

Agro bazaar online. (2015, october 13). Retrieved from Serunding tuhau wasinah : <http://www.agrobazaar.com.my/index.php/productDirectory/viewProduct?productId=115646>

(21 JAN). BERNAMA. Kuala Lumpur.

[Baut - Wikipedia bahasa Indonesia, ensiklopedia bebas](#)

[\(PDF\) Chemical Composition, Colour and Sensory Characteristics of Commercial Serunding \(Shredded Meat\) in Malaysia \(researchgate.net\)](#)

<http://m.my.xiangxin-aluminio.com/aluminium-sheet/thick-aluminium-plate.html>

## LAMPIRAN A

Carta Gannt Projek 1

| NO | AKTIVITI PROJEK               | MINGGU |        |        |        |        |        |        |        |        |       |       |       |       |        |    |
|----|-------------------------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|-------|-------|-------|-------|--------|----|
|    |                               | 1      | 2      | 3      | 4      | 5      | 6      | 7      | 8      | 9      | 10    | 11    | 12    | 13    | 14     | 15 |
| 1  | TAKLIMAT PROJEK               | Yellow |        |        |        |        |        |        |        |        |       |       |       |       |        |    |
|    |                               | Green  | Green  |        |        |        |        |        |        |        |       |       |       |       |        |    |
| 2  | MENGENALPASTI TAJUK PROJEK    |        | Yellow | Yellow |        |        |        |        |        |        |       |       |       |       |        |    |
|    |                               | Green  | Green  | Green  | Green  | Green  |        |        |        |        |       |       |       |       |        |    |
| 4  | MEMBUAT KAJIAN PROJEK         |        |        | Yellow |        |        |        |        |        |        |       |       |       |       |        |    |
|    |                               | Green  | Green  | Green  | Green  | Green  |        |        |        |        |       |       |       |       |        |    |
| 5  | PENGENALAN PROJEK             |        |        |        | Yellow | Yellow | Yellow |        |        |        |       |       |       |       |        |    |
|    |                               |        |        |        | Green  | Green  | Green  | Green  | Green  |        |       |       |       |       |        |    |
| 6  | MEMBUAT KAJIAN LITERATUR      |        |        |        |        | Yellow | Yellow | Yellow |        |        |       |       |       |       |        |    |
|    |                               |        |        |        |        | Green  | Green  | Green  | Green  | Green  |       |       |       |       |        |    |
| 7  | METODOLOGI KAJIAN             |        |        |        |        |        | Yellow | Yellow | Yellow |        |       |       |       |       |        |    |
|    |                               |        |        |        |        |        | Green  | Green  | Green  | Green  | Green |       |       |       |        |    |
| 8  | MEMBUAT DAN MEMBAIKI PROPOSAL |        |        |        |        |        |        | Yellow | Yellow | Yellow |       |       |       |       |        |    |
|    |                               |        |        |        |        |        |        | Green  | Green  | Green  | Green | Green | Green | Green |        |    |
| 9  | PENGHANTARAN PROPOSAL AKHIR   |        |        |        |        |        |        |        |        |        |       |       |       |       | Yellow |    |
|    |                               |        |        |        |        |        |        |        |        |        |       |       |       | Green |        |    |



PERANCANGAN



PELAKSANAAN

## LAMPIRAN B

Carta Gannt Projek 2

| NO | AKTIVITI PROJEK                            | MINGGU |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |
|----|--|--------|---|---|---|---|---|---|---|---|----|----|----|----|----|----|
|    |  | 1      | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 |
| 1  | TAKLIMAT PROJEK                            | ■      |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |
| 2  | MENCARI BAHAN DAN KOMPONEN PROJEK          |        | ■ | ■ | ■ | ■ |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |
|    |  |        | ■ | ■ | ■ | ■ |   |   |   |   |    |    |    |    |    |    |
| 4  | MULA MEMBUAT PROJEK                        |        |   | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ |    |    |    |    |    |    |
|    |  |        |   | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■  | ■  |    |    |    |    |
| 5  | MEMBUAT PENGUJIAN PROJEK                   |        |   |   |   |   |   |   |   |   | ■  | ■  |    |    |    |    |
|    |  |        |   |   |   |   |   |   |   |   |    | ■  | ■  |    |    |    |
| 6  | MEMBAIKI PROJEK YANG TELAH DIBUAT          |        |   |   |   |   |   |   |   |   | ■  | ■  | ■  |    |    |    |
|    |  |        |   |   |   |   |   |   |   |   |    | ■  | ■  |    |    |    |
| 7  | MENYEDIAKAN LAPORAN AKHIR PROJEK           |        |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    | ■  | ■  | ■  |
|    |  |        |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    | ■  | ■  |
| 8  | MENYIAPKAN LAPORAN AKHIR PROJEK DAN HANTAR |        |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    | ■  | ■  |
|    |  |        |   |   |   |   |   |   |   |   |    |    |    |    | ■  | ■  |



PERANCANGAN

PELAKSANAAN

## LAMPIRAN C

### Carta Alir Projek

